

# NOTIS PENTING

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), selaku pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) dan bagi pihak AmanahRaya Trustees Berhad (“Pemegang Amanah”), ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa aplikasi internet di “Google Play Store” yang menggunakan nama dan/atau logo ASB, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan/atau ASNB, serta mana-mana aplikasi internet yang mengandungi pernyataan atau informasi berkenaan ASB, PNB, ASNB dan/atau tabung-tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB adalah tidak diiktiraf oleh pihak ASNB dan ia digunakan dan beroperasi tanpa pengetahuan dan kebenaran dari pihak Pemegang Amanah, ASNB dan PNB.

Dengan ini, **ADALAH DIMAKLUMKAN** bahawa Pemegang Amanah, ASNB dan PNB tidak mempunyai sebarang hubung kait dengan mana-mana aplikasi yang terdapat di “Google Play Store” tersebut, dan pihak Pemegang Amanah, ASNB, PNB dan ejen-ejen dilantik oleh ASNB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak akibat daripada maklumat atau kenyataan di dalam aplikasi tersebut.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut berkenaan perkara di atas, atau mempunyai pengetahuan tentang pengendalian atau pengendali aplikasi internet tersebut, sila hubungi ASNB di talian 03-2057 3000, pada waktu pejabat.

Terima kasih.

## AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD

Pengurus  
Amanah Saham Bumiputera (ASB)